

Kerajaan kawal akhbar kerana isu kaum

21 DEC 1993

GEORGETOWN, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, kerajaan terpaksa mengawal penerbitan akhbar bagi menentukan ia tidak sengaja memainkan isu perkauman sehingga boleh mencetuskan rusuhan kaum.

Selain soal itu, kata Perdana Menteri, akhbar di Malaysia diberikan kebebasan sepenuhnya kerana kerajaan mahu akhbar memainkan fungsi positif termasuk mewujudkan hubungan baik dan perpaduan antara kaum.

Beliau bagaimanapun membidas media Barat kerana sering mengkritik Malaysia yang didakwa menyekat kebebasan berakhbar di negara ini dengan alasan supaya akhbar terbabit tidak mengkritik kerajaan.

Sehubungan dengan itu, katanya ketika merasmikan Wisma Kwong Wah Yit Poh di sini hari ini, apabila laporan akhbar Barat menyentuh Malaysia, ia tidak pernah lupa menekankan mengenai persoalan tiada kebebasan akhbar di negara ini.

"Mereka (media Barat) tidak berasa malu bahawa mereka turut dikongkong dan dikuasai oleh pihak tertentu. Tuduhan orang asing itu tidak merungsingkan kerajaan kerana yang penting bagi kerajaan ialah kebenaran, iaitu akhbar di Malaysia bebas, kecuali jika mereka meniupkan api perkauman.

"Di Malaysia kita mempunyai isu yang sensitif seperti yang membabitkan kaum. Apa yang penting bukannya hak membakar emosi tetapi hak memelihara keamanan dan ketenteraman yang boleh membantu membawa kepada pembangunan rakyat dan negara," katanya.